

PANDUAN PEMARKAHAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

(SPM)

2025

MATA PELAJARAN

PERNIAGAAN

3766/1 & 3766/2



PERCUBAAN SPM 2025 – KERTAS 1

1	D	21	D
2	B	22	A
3	C	23	C
4	B	24	C
5	C	25	B
6	B	26	B
7	B	27	D
8	B	28	A
9	C	29	C
10	A	30	B
11	C	31	A
12	B	32	C
13	A	33	B
14	A	34	C
15	D	35	C
16	C	36	D
17	B	37	B
18	D	38	C
19	A	39	C
20	C	40	C

BAHAGIAN A[50 markah]

Jawab mana-mana **lima** soalan daripada bahagian ini.

1. (a) Jelaskan ciri utama perniagaan bersaiz sederhana. [4 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
1 (a)	H1	Bilangan pekerja tetap	1
	H1a	Perkilangan, 75 hingga kurang daripada 200 orang	1
	H1b	Pekhidmatan, 30 hingga kurang daripada 75 orang.	1
	H2	Jumlah jualan tahunan	1
	H2a	Perkilangan, RM15 juta hingga kurang daripada RM50 juta.	1
	H2b	Perkhidmatan, RM 3 juta hingga kurang daripada RM20 juta.	1
		Mana-mana 4H	[Maks. 4m]

- (b) Berikut merupakan sebuah keratan akhbar tentang isu semasa

PUTRAJAYA - Analisis terkini kerajaan menunjukkan bahawa lebih 30 peratus pekerjaan di Malaysia akan dipengaruhi oleh kecerdasan buatan (AI) dalam tempoh 10 tahun akan datang, dengan sektor utama seperti pembuatan, perkhidmatan dan teknologi maklumat dijangka melalui transformasi signifikan.

Sumber : Diubahsuai <http://www.hmetro.com.my>, 7 Januari 2025

- Bagaimana kerajaan boleh mengatasi pengangguran tersebut? [6 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
1 (b)	H1	Latihan semula/peningkatan kemahiran.	1
	H2	Galakan pendidikan berasaskan teknologi	1
	H3	Memberi insentif kepada syarikat yang masih mengekalkan pekerja.	1
	H4	Mewujudkan peluang pekerjaan dalam sektor baharu.	1
	H5	Perlindungan sosial untuk pekerja yang terkesan.	1
	H6	Sediakan galakan keusahawan teknologi.	1
	H7	Penggunaan mesin-mesin moden hanya digunakan untuk proses tertentu.	1
		Mana-mana 6H	[Maks. 6m]

2. (a) Jelaskan maksud visi perniagaan.

[4 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
2 (a)	H1	Penetapan perancangan melibatkan berfokus	1
	H2	Perancangan jangka masa panjang	1
	H3	Lebih 5 tahun	1
	H4	Panduan/Tindakan membuat keputusan	1
	H5	Memastikan hala tuju perniagaan di landasan yang tepat	1
Mana-mana 4H			[Maks. 4m]

(b) Situasi berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan

Perniagaan Ayam Goreng D'sedap merupakan sebuah kedai makanan segera di Kluang. Namun sejak kebelakangan ini, jualan perniagaan mereka semakin merosot dan terpaksa menilai semula arah tuju perniagaan

Huraikan faktor dalaman yang mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif sesebuah perniagaan.

[6 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
2 (b)	F1	Sumber manusia	1
	H1a	Mempunyai pekerja yang berpengetahuan / pengalaman / berkemahiran dalam menjalankan tugas	1
	H1b	Memberi latihan / kursus kepada pekerja / insentif munasabah / faedah sampingan	
	C1	Pekerja yang bermasalah / ponteng / pecah amanah /	1
		pekerja berkaliber / cekap Contoh yang sesuai	1
	F2	Kewangan	1
	H2a	Mencukupi untuk meningkatkan pengeluaran / modal besar	1
	H2b	Diperoleh daripada rizab / pembiayaan bank / kerajaan	1
	C2	Pinjaman MARA / TEKUN / Contoh yang sesuai	
2F+2H+2C mesti seiring			[Maks. 6m]

3. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan pengurusan sumber manusia.

Encik Azhar merupakan seorang pengurus sumber manusia di sebuah pusat peranginan di Desaru, Johor. Ketika penularan penyakit Covid-19 menyerang negara, bilangan pelancong yang berkunjung merosot dengan banyak. Situasi ini menyebabkan perniagaan terpaksa memberhentikan sebahagian besar pekerja kerana tidak mampu membayar gaji mereka.

Jelaskan peranan Encik Azhar.

[4 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
3 (a)	H1	Menyediakan sistem pemberhentian pekerja yang sistematik	1
	H2	Mengadakan perbincangan dengan pekerja	1
	H3	Memberikan pilihan pemberhentian/ penamatan perkhidmatan secara sukarela (VSS) / penamatan secara tindakan disiplin / pemecatan terhadap pekerja	1
	H4	Menghantar notis/ makluman pemberhentian	1
	H5	Menawarkan ganjaran/ pampasan/ tanda penghargaan / gratuiti / pencen	1
	H6	Mewujudkan hubungan harmoni / kekal hubungan baik antara majikan dengan pekerja	1
		Mana-mana 4H	[Maks. 4m]

- (b) Gambar 1 berkaitan dengan sumber fizikal sebuah perniagaan.



Gambar 1

Jelaskan prosedur menguruskan sumber tersebut.

[6 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
3 (b)	H1	Perlindungan insurans dan keselamatan	1
	H2	Melindungi peniaga / pemandu dari risiko	1
	H3	kemalangan/ kecurian / kebakaran	1
	H4	Dapat ganti rugi/pampasan jika berlaku risiko yang diinsuranskan	1
	H5	Insurans kecurian / kebakaran / contoh lain yang sesuai	1
	H6	Penyelenggaraan / baik pulih secara terancang	
	H7	Lori berfungsi dengan baik / penghantaran tidak tertangguh	1
	H8	Boleh digunakan lama / boleh mengelakkan kerosakan serius	1
	H9	Pemeriksaan berkala / PUSPAKOM / contoh lain yang sesuai	1
		Mana-mana 6H	[Maks. 6m]

4. (a) Gambar 2 merupakan dokumen penyata kewangan..

PENYATA KUNCI KIRA-KIRA	
A. ASET	RM 15.000
Tunai	15.000
Penghutang Akaun	8.000
Inventori	12.000
Peralatan	20.000
JUMLAH ASET	55.000
B. LIABILITI	RM 40.000
Pemiutang Akaun	10.000
Pinjaman	25.000
Liabiliti Lain	5.000
JUMLAH LIABILITI	40.000
C. EKUITI PEMILIK	RM 15.000

Gambar 2

Jelaskan kegunaan dokumen tersebut kepada pihak pengurusan sesebuah perniagaan.

[6 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
4 (a)	H1	Menilai prestasi perniagaan,	1
	H2	Menilai keupayaan / kecekapan	1
	H3	Membuat pertimbangan untuk pemberian ganjaran	1
	H4	Seperti bonus dan dividen,	1
	H5	Perbandingan prestasi kewangan antara tahun semasa dengan tahun sebelumnya / kedudukan kewangan	1
	H6	Sebagai garis panduan untuk buat keputusan	1
	H7	Perancangan pengagihan sumber dengan berkesan.	1
	H8	Mengetahui nilai aset / liabiliti / ekuiti / untung perniagaan	1
	H9	Merancang belanjawan dan peruntukan perniagaan.	
	H10	Bantu memastikan perbelanjaan terkawal dan selaras dengan matlamat perniagaan.	1
	H11	Keupayaan membayar hutang / meyakinkan pelabur	1
		Mana-mana 6H	[Maks. 6m]

(b) Terangkan kepentingan rancangan perniagaan.

[4 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
4 (b)	F1	Memberi peluang menilai projek yang dirancang dengan teliti.	1
	H1	Menjadi garis panduan dalam menentukan hala tuju perniagaan.	1
	F2	Merancang keperluan sumber perniagaan.	1
	H2	Membantu perniagaan beroperasi dengan lebih sistematik dan jelas.	1
	F3	Menjangka risiko dan masalah yang timbul semasa melaksanakan projek perniagaan.	1
	H3	Meramal risiko dan cuba untuk menanganinya / kekurangan modal / persaingan / pemilihan lokasi perniagaan / contoh berkaitan	1
	F4	Memberi gambaran sama ada projek yang dirancang berdaya maju atau tidak.	1
	H4	Berpotensi dalam melabur / pihak berkepentingan untuk membuat pelaburan dan pembiayaan.	1
	F5	Meyakinkan pelabur dan bank.	1
	H5	Kemampuan membayar hutang / pinjaman / keuntungan.	1
[Mana-mana 2F + 2H]			[Maks. 4m]

5. (a) Gambar 3 berikut merupakan sejenis sumber fizikal?



Gambar 3

Jelaskan sumber fizikal tersebut

[4 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
5(a)	H1	Bangunan / kemudahan	1
	H2	Bangunan ialah tempat untuk menjalankan operasi perniagaan	1
	H3	Kemudahan merupakan kelengkapan infrastruktur	1
	H4	Dapat membantu pengurusan perniagaan	1
	H5	Menjamin kelancaran perniagaan	1
	H6	Kemudahan troli / jalan raya	1
[Mana-mana 4H]			[Maks. 4m]

(b) Senaraikan langkah-langkah untuk mendapatkan sumber pembiayaan luaran

[6 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
5(b)	H1	Menyediakan rancangan perniagaan	1
	H2	Mendapatkan khidmat nasihat daripada pegawai bank	1
	H3	Menyediakan dokumen yang lengkap	1
	H4	Menghantar permohonan kepada pihak bank / agensi kerajaan	1
	H5	Permohonan dipertimbangkan oleh pihak bank / agensi kerajaan	1
	H6	Memperoleh surat kelulusan pembiayaan daripada pihak bank/ agensi kerajaan	1
	H7	Menandatangani kontrak dengan pihak bank/ agensi kerajaan	1
	H8	Memperolehi pembiayaan / pinjaman / wang	1
[Mana-mana 6H]			[Maks. 6m]

6. (a) Gambar 4 berkaitan dengan kaedah promosi..



Gambar 4

- (i) Apakah kaedah promosi tersebut? [1 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
6(a)(i)	F1	Promosi jualan	1 [Maks. 1m]

- (ii) Jelaskan kelebihan di 6(a)(i). [3 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
6(a)(ii)	H1	Meningkatkan jualan/permintaan	1
	H2	Menarik minat pengguna / pembeli membeli kek pandan	1
	H3	Menambah produktiviti / jualan secara besar-besaran / keuntungan	1
	H4	Meluaskan pasaran	1
	H5	Menambahkan belian bagi tempoh tertentu / Setiap Hari Isnin	1
	H6	Melibatkan pelbagai jenis insentif	1
	H7	Contoh: Beli 1 percuma 1	1
		Mana-mana 3H	[Maks. 3m]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan situasi Aiman dan Amir.

Aiman dan Amir merupakan rakan sekuliah yang memiliki kelayakan akademik dari universiti yang sama. Namun, selepas menamatkan pengajian, Aiman memilih untuk bekerja di bandar manakala Amir bekerja di kampung. Walaupun mempunyai kelulusan setaraf, Aiman menerima gaji sebanyak RM4000 sebulan, manakala Amir hanya memperoleh RM3000 sebulan. Ini kerana Aiman bertanggungjawab mengurus projek besar berbanding Amir hanya menjalankan tugas pentadbiran biasa sahaja.

Terangkan faktor yang mempengaruhi perbezaan gaji antara Aiman dengan Amir. [6 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
6(b)	F1	Bentuk dan Jenis tugas	1
	H1a	Menjalankan tanggungjawab besar akan diberi	1
	H1b	Aiman bertanggungjawab mengurus projek besar /	1
	H1b	Amir hanya menjalankan tugas pentadbiran biasa	1
	F2	Kemampuan organisasi	1
	H2a	Mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh akan memberi lebih banyak ganjaran kepada pekerja.	1
	H2b	Syarikat Aiman memberi gaji RM4000 / syarikat Amir memberi gaji RM3000.	1
	F3	Faktor Lokasi	1
	H3a	Kedudukan geografi kawasan / lokasi / kos sara hidup / taraf hidup	1
	H3b	Lokasi Aiman di bandar / Amir di kampung	1
		3F+3H	[Maks. 6m]

BAHAGIAN B

[30 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

7. Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Hana Sabun Organik.

Hana Sabun Organik ialah perniagaan milik penuh Puan Hana, seorang usahawan muda yang bermula dari rumah dengan menjual sabun organik buatan tangan secara dalam talian. Puan Hana mempunyai 20 orang pekerja sepenuh masa dan mencapai jualan tahunan RM450 000 setahun untuk mendapat keuntungan yang maksimum.

Baru-baru ini, kos pengeluaran meningkat secara mendadak akibat kenaikan harga bahan mentah organik. Seorang rakannya menasihatkan supaya Puan Hana menggunakan bahan kimia sintetik yang lebih murah. Walau bagaimanapun, Puan Hana tidak bersetuju dengan cadangan rakannya itu kerana dia mengutamakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

- (a) Jelaskan saiz perniagaan Hana Sabun Organik.

[4 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
7(a)	H1	Saiz Kecil	1
	H2	Jumlah jualan tahunan RM300,000 hingga kurang daripada RM15 juta / jualan tahunan RM450 000 setahun	1
	H3	Pekerja tetap 5 hingga 75 orang/ 20 orang pekerja	1
	H4	Kos overhead yang lebih rendah	1
	H5	Cepat menyelesaikan masalah dan rungutan pelanggan	1
	H6	Fleksibel / mudah untuk mengubah strategi	1
	H7	Kos upah yang lebih rendah	1
Mana-mana 4H			[Maks. 4m]

(b) Mengapakah keuntungan penting kepada perniagaan Puan Hana? [5 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
7(b)	H1	Mengukur tahap prestasi perniagaan	1
	H2	Menentukan hala tuju perniagaan	1
	H3	Mengembangkan /memastikan kelangsungan perniagaan	1
	H4	Melambangkan imej perniagaan/ menarik pelaburan baharu	1
	H5	Menjalankan tanggungjawab sosial	1
	H6	Menyumbangkan keuntungan semula kepada masyarakat	1
	H7	Membina tempat rekreasi/ contoh yang sesuai	1
		Mana-mana 5H	[Maks. 5m]

(c) Anda bersetuju dengan tindakan Puan Hana?

Kemukakan alasan anda.

[6 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
7(c)	H1	Meningkatkan imej perniagaan	1
	H2	Menjaga kebajikan masyarakat	1
	H3	Meningkatkan Kepercayaan/Keyakinan Pelanggan	1
	H4	Menghasilkan sabun organik / produk berkualiti	1
	H5	Pekerja ingin bekerja dengan organisasi yang mempunyai nilai murni	1
	H6	Menjalin Hubungan Baik dengan Komuniti / masyarakat	1
	H7	Membantu kelangsungan / perkembangan perniagaan.	1
	H8	Menjaga alam sekitar	1
	H9	Penggunaan bahan kimia menjejaskan kesihatan	1
		[huraian negatif]	
	H10	Mencemarkan alam sekitar [huraian negatif]	1
	H11	Merosakkan / alahan kepada tubuh badan [huraian negatif]	1
	H12	Memberikan kesan / reputasi buruk kepada perniagaan [huraian negatif]	1
		Mana-mana 6H	[Maks. 6m]
		Nota: Mesti ada sekurang-kurangnya 1 huraian negatif untuk mendapat markah penuh	

8. Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat GoTech Sdn Bhd.

Syarikat GoTech Sdn. Bhd. pada asalnya menjalankan operasi dalam sektor perkilangan. Namun begitu, seiring dengan perkembangan teknologi dan sokongan dasar kerajaan seperti MyDigital, syarikat ini telah melakukan transformasi besar dengan menceburi bidang perkhidmatan selaras dengan perkembangan ekonomi negara. Kini, GoTech Sdn. Bhd. menggunakan teknologi moden seperti aplikasi mudah alih dan kecerdasan buatan (AI) bagi meningkatkan kecekapan operasi. Peralihan ini turut mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan baharu, sekali gus menuntut pekerja memiliki kemahiran tertentu untuk terus bersaing.

(a) Jelaskan perkembangan sektor perniagaan Syarikat GoTech Sdn. Bhd.? [5 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
8(a)	H1	Perubahan daripada sektor kedua / sekunder kepada sektor ketiga / tertier	1
	H2	Perkilangan kepada perkhidmatan	1
	H3	Menggunakan teknologi moden / aplikasi mudah alih / kecerdasan buatan (AI)	1
	H4	Untuk menjadi negara maju	1
	H5	Sektor perkhidmatan semakin meningkat selaras dengan perkembangan ekonomi negara	1
	H6	Menyokong perkembangan sektor primer dan sekunder	1
	H7	Sektor perkhidmatan penyumbang terbesar KDNK negara	1
	H8	Memberikan perkhidmatan / sokongan teknikal / pegawai teknik	1
			[Maks. 5m]

(b) Adakah Syarikat GoTech Sdn Bhd perlu mengurus sumber teknologi yang digunakan? Jelaskan. [5 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
8(b)	F1	Ya	1
	H1a	dapat melindungi aplikasi	1
	H1b	Daripada disalahguna	1
	H1c	Dapat mengenakan tindakan undang-undang	1
	H1d	Mendapat hak eksklusif	1
	H1e	Mendapat perlindungan di bawah Akta Hak Cipta 1987	1
			[Maks. 5m]
	F2		1
	H2a	Tidak	1
	H2b	Bukan hak syarikat / menggunakan hak orang lain	1
		Hanya bayar lesen	[Maks. 2m]

- (c) Jelaskan kemahiran kebolehkkerjaan yang perlu dimiliki oleh calon pekerja Syarikat GoTech Sdn. Bhd.? [5 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
8(c)	H1	Kelayakan yang bersesuaian	1
	H2	Mempunyai pengalaman	1
	H3	Berpengalaman tentang produk dan perkhidmatan	1
	H4	Berpengalaman dalam industri tertentu / AI	1
	H5	Keberkesanan mencapai sasaran individu / pasukan / jabatan / sektor	1
	H6	Contohnya kelayakan dalam bidang ICT	1
		Mana-mana 5H	[Maks. 5m]

9. Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Seorang pegawai kewangan sedang membuat perancangan untuk mengurangkan perbelanjaan dan meningkatkan keuntungan. Tindakan ini dapat membantu syarikat mengurus kewangan dengan lebih cekap.

Berikut merupakan butiran kewangan perniagaan **S'biji Khopi Café** bagi tahun 2023 dan 2024.

Perkara	2023 (RM)	2024 (RM)
Jualan bersih	180 000	220 000
Untung kasar	55 000	70000
Hasil	5 000	8 000
Belanja	10 000	12 000

(a) Jelaskan peranan lain pegawai kewangan dalam bahagian fungsian tersebut.

[5 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
9(a)	H1	Mengagihkan sumber kewangan mengikut peruntukan yang ditetapkan	1
	H1a	Bajet kewangan diluluskan	1
	H1b	Peruntukan diagihkan mengikut bahagian	1
	H1c	Pengagihan dibuat berdasarkan jenis perbelanjaan dan masa	1
	H2	Mengawal Kewangan	1
	H2a	Menyediakan bajet yang tepat pada setiap bahagian fungsian	1
	H2b	Memastikan belanjawan /bajet dibelanjakan	1
	H2c	Belanjawan mengikut ketetapan yang diluluskan	1
	H2d	Setiap bahagian akan dipantau dalam aspek kewangan supaya masalah salah urus tidak berlaku	1
		Mana-mana 5H	[Maks. 5m]

(b) Hitung margin untung bersih bagi S’biji Khopi Café bagi tahun 2023 dan 2024.
[5 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
9(b)	H1	Margin Untung Bersih = $\frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$	1
	H2	Margin Untung Bersih 2023 = $\frac{[55\,000 + 5\,000 - 10\,000]}{180\,000} \times 100\%$	1
	H3	= 27.78%	1
	H4	– Margin Untung Bersih 2024 = $\frac{[70\,000 + 8\,000 - 12\,000]}{220\,000} \times 100\%$	1
	H5	= 30%	1
	H6	= Margin untung bersih tahun 2024 lebih baik/besar iaitu 30% berbanding tahun 2023 iaitu 27.78% / MUB 2024 lebih baik daripada 2023	1
Mana-mana 5H			[Maks. 5m]

(c) Tafsirkan prestasi kewangan di 9(b).

[5 markah]


NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
9(c)	H1	Setiap RM1 jualan bersih, untung bersih 2023 ialah 27.78sen berbanding tahun 2024 ialah 30sen	1
	H2	Setiap RM1 jualan bersih, untung bersih meningkat sebanyak 2.22sen pada tahun 2024 berbanding 2023	1
	H3	Margin untung bersih meningkat daripada 27.78% pada tahun 2023 kepada 30% pada tahun 2024	1
	H4	Margin untung bersih tahun 2024 meningkat sebanyak 2.22% berbanding 2023	1
	H5	Perniagaan lebih cekap tahun 2024 berbanding tahun 2023	1
	H6	Kedua-dua tahun adalah untung / perniagaan mendapat keuntungan	1
Mana-mana 5H			[Maks. 5m]

BAHAGIAN C
[20 markah]
Jawab semua soalan

10. Encik Fahmi merupakan pemilik Syarikat Teraju Frozen Sdn. Bhd. yang mengusahakan makanan sejuk beku seperti pau, karipap, dan dim sum untuk pasaran tempatan. Bagi menampung kos dan mengembangkan perniagaan, Encik Fahmi telah memohon pembiayaan daripada agensi kerajaan kerana tidak memerlukan cagaran, kos lebih rendah dan disertai latihan serta bimbingan keusahawanan.

Setelah menerima pembiayaan daripada agensi kerajaan, syarikat ini berjaya membeli mesin pembungkus automatik dan sebuah peti sejuk industri bersaiz besar untuk meningkatkan pengeluaran. Namun begitu, Encik Fahmi mendapati bahawa mesin dan peralatan ini memerlukan penjagaan rapi bagi memastikan operasinya sentiasa lancar. Oleh itu, beliau menetapkan pelaksanaan satu prosedur pengurusan sumber fizikal yang merangkumi perlindungan insurans terhadap mesin, penyelenggaraan dan baik pulih secara berkala serta memberikan latihan keselamatan untuk pekerja pengendali mesin.

Syarikat Teraju Frozen Sdn. Bhd. mula menghantar produk makanan sejuk beku ke beberapa pasar raya besar dan pasar raya komuniti di sekitar negeri Johor. Graf berikut menunjukkan target jualan dan jualan sebenar bagi Syarikat Teraju Frozen Sdn. Bhd.



Tinjauan pasaran mendapati bahawa gaya hidup pengguna kini lebih cenderung kepada makanan segar dan organik serta rendah kalori. Manakala makanan sejuk beku dilihat kurang sihat. Situasi ini membimbangkan Encik Fahmi dan beliau telah mengarahkan Encik Faizul, pengurus bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) untuk bekerjasama dengan pihak MARDI bagi membantu meningkatkan kualiti produk.

Selepas 3 bulan, syarikat berjaya melancarkan produk inovasi baharu yang lebih sihat dan menarik, serta memperkenalkan konsep “Ready-to-eat, Healthy Choice”. Syarikat telah berjaya membina jenama yang dikenali ramai melalui produk makanan sejuk beku berkualiti tinggi. Sambutan pelanggan amat menggalakkan, dan syarikat ingin mengembangkan perniagaan ke seluruh negara dengan lebih pantas. Selepas meneliti beberapa cadangan, Encik Fahmi mengambil keputusan untuk menjalankan perniagaan berbentuk francais.

Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Apakah agensi kerajaan yang telah memberi sumber pembiayaan kepada Syarikat Teraju Frozen Sdn. Bhd.? [1 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
10(a)	F1	TEKUN / MARA / PUNB / SME Corp	1 [Maks. 1m]

(b) Mengapakah Encik Fahmi melaksanakan prosedur tersebut?

[4 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
10(b)	H1	Memastikan sumber fizikal / mesin dalam keadaan selamat	1
	H2	Mengelakkan mesin mengalami kerosakan / berfungsi dengan baik	1
	H3	Memastikan operasi perniagaan sentiasa lancar	1
	H4	Meningkatkan kecekapan / keberkesanan pengeluaran dalam jangka panjang.	1
	H5	Memastikan kelangsungan operasi perniagaan	1
	H6	Memudahkan urusan penghasilan produk / perkhidmatan	1
	H7	Insurans melindungi perniagaan daripada risiko yang diinsuranskan	1
		Mana-mana 4H	[Maks. 4m]

(c) Jelaskan kesan perubahan gaya hidup pengguna kepada Syarikat Teraju Frozen Sdn. Bhd.

[4 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
10(c)	H1	Jualan merosot / berkurang	1
	H2	Peningkatan kos penyimpanan stok kerana produk tidak habis dijual	1
	H3	Pengurangan pendapatan / keuntungan	1
	H4	Lambakan produk tidak terjual / stok tidak laku	1
	H5	Risiko mengalami kerugian operasi	1
	H6	Menjejaskan aliran tunai Syarikat / permintaan makanan sejuk beku menurun	1
		Mana-mana 4H	[Maks. 4m]

(d) Jelaskan peranan pihak yang bekerjasama dengan Encik Faizul. [4 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
10(d)	H1	Menjalankan penyelidikan terhadap teknologi Makanan / melaksanakan R&D	1
	H2	Memperkenalkan teknologi baharu kepada industri	1
	H3	Meningkatkan produktiviti pengeluaran	1
	H4	Meningkatkan kualiti produk	1
	H5	Bekerjasama dengan MARDI	1
	H6	Contoh, makanan sejuk beku	1
		Mana-mana 4H	[Maks. 4m]

(e) (i) Jelaskan ciri-ciri bentuk perniagaan yang ingin dijalankan oleh Encik Fahmi. [4 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
10(e)(i)	H1	Perniagaan mesti dikendalikan mengikut sistem yang telah ditetapkan oleh francaisor	1
	H2	Perniagaan dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian	1
	H3	Francaisi berhak untuk menggunakan cap atau rahsia dagangan milik francaisor	1
	H4	Francaisor mengenakan kawalan berterusan kepada francaisi	1
	H5	Francaisor bertanggungjawab untuk memberikan bantuan kepada francaisi	1
	H6	Francaisi akan membuat sesuatu bayaran dalam bentuk fi atau bentuk balasan lain yang dipersetujui kepada francaisor	1
	H7	Francaisor dan francaisi boleh menjalankan aktiviti perniagaan secara berasingan	1
		Mana-mana 4H	[Maks. 4m]

(ii) Setujukah anda dengan keputusan Encik Fahmi? Jelaskan.

[3 markah]

NO SOALAN		PERATURAN PEMARKAHAN	MARKAH
10(e)(ii)	F1	Setuju	
	H1a	Dapat mengembangkan perniagaan secara global	1
	H1b	Menikmati ekonomi bidangan	
	H1c	Peningkatan dalam jumlah pengeluaran	1
	H1d	Dapat menembusi pasaran baharu	
	H1e	Berkongsi risiko dan tanggungjawab dengan francaisi	1
	H1f	Struktur pengurusan tidak begitu besar / pengurusan outlet francaisi dilakukan oleh francaisi sendiri	1
			[Maks. 3m]
		Atau	
	F2	Tidak setuju	1
	H2a	Boleh menjejaskan reputasi francaisor sekiranya francaisi tidak mematuhi kualiti produk yang ditetapkan	1
	H2b	Peningkatan dalam kos sokongan operasi untuk francaisi	1
	H2c	Kesukaran memilih francaisi yang baik dan berdaya saing	1
Nota : Tidak terima F tanpa H Mana-mana 2H			[Maks. 3m]

KERTAS SOALAN TAMAT